

# MASALAH LEPAK DI KALANGAN REMAJA DI JOHOR BAHRU: SEJAUHMANAKAH REMAJA MELAYU TERLIBAT

Azizi Yahaya  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia  
Skudai Johor

**ABSTRAK:** Kajian ini bertujuan mengetahui faktor – faktor yang mempengaruhi remaja untuk keluar melepak dan juga untuk mengetahui bagaimanakah remaja berinteraksi dengan keluarga dan rakan sebaya. Kajian ini dilakukan dengan kaedah tinjauan dan sampel rawak mudah. Data–data kajian diperoleh dari soal selidik dan dianalisis secara SPSS. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah remaja yang berumur dalam lingkungan 12 hingga 20 tahun yang melepak di Stesen bas Larkin dan Pasar raya Angsana. Hasil soal selidik amat memuaskan, Ini berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh responden memenuhi kehendak soal selidik yang diedarkan. Hasil kajian ini dapat menyelesaikan persoalan kajian. Oleh itu ibu bapa dan masyarakat akan lebih prihatin terhadap peranan masing – masing untuk membentuk keperibadian remaja selaras dengan kehendak agama dan aspirasi negara.

*Katakunci:* melepak, remaja

## **Pengenalan.**

Isu remaja melalui dada akhbar, majalah serta media cetak yang lain berkaitan dengan tajuk “Lepak, Inilah Masalah Sebenarnya Remaja”( Tamadun; Ogos 1994.)

“ Polis menahan 128 remaja di Johor Bahru” ( Harian Metro; 16 Julai 2001).

Semua isu di atas adalah berkaitan masalah lepak dan menjadi perbualan hangat di kalangan individu dan masyarakat. Fenomena ini masih tidak berubah di kebanyakan tempat seperti pusat membeli belah atau menghabiskan masa dengan kegiatan yang tidak berfaedah. Akhir-akhir ini masalah ini dipandang serius kerana takut merosakkan nilai serta keperibadian remaja, di mana remaja menjadi aset penting kerana remaja adalah pemangkin kepimpinan negara di masa akan datang.

Isu lepak semakin kerap diperkatakan sekarang. Tingkah laku remaja yang suka menghabiskan masa lapang di tempat awam seperti kompleks membeli belah, perhentian pengangkutan awam dan tempat tumpuan orang ramai dikenali sebagai aktiviti lepak. Masalah ini telah menjadi satu budaya kepada golongan remaja khususnya. Budaya ini semakin memperlihatkan remaja masa kini yang tidak menyedari yang mereka adalah pewaris masa hadapan bagi menjayakan wawasan negara. Banyak media massa yang memberi kenyataan menyatakan pemimpin-pemimpin negara, masyarakat tempatan dan individu telah meletakkan lepak di kalangan remaja ini sebagai salah satu aktiviti sosial dan budaya yang setanding dengan isu penyalahgunaan dadah, penyakit AIDS dan pembuangan anak. Semua gejala ini kaum Melayu adalah kaum yang tertinggi sekali bilangannya berbanding dengan kaum lain.

Menurut Lidah Pengarang (Berita Harian, Isnin 6 Ogos 2001), apa yang menyedihkan ialah majoriti, jika pun tidak keseluruhan kes jenayah yang berlaku sekarang ini membabitkan orang Melayu yang beragama Islam yang terdidik dengan sifat toleransi serta hormat.

Memandangkan isu ini semakin hangat diperkatakan sehingga ianya tidak dapat ditangani walaupun sehingga ke peringkat nasional. Kajian awal telah melibatkan para cerdik pandai dari beberapa pusat pengajian tinggi tempatan. Di samping itu, beberapa buah kementerian seperti Kementerian Belia dan

Sukan, Kementerian Pembangunan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Pendidikan telah turut serta memberi kerjasama mereka. Polis Diraja Malaysia dan Majlis Belia Malaysia juga turut membantu. Kajian yang telah dijalankan itu mendapati bahawa antara punca-punca remaja melepak ialah disebabkan longgarnya sistem kekeluargaan. Hasil kajian yang dibuat oleh Razali (1994) merumus bahawa melepak adalah disebabkan oleh ibu bapa yang tidak prihatin terhadap anak-anak mereka. Akibatnya, tiada wujud keharmonian di dalam keluarga sehingga anak-anak dibiarkan bergaul bebas tanpa kawalan. Kajian itu membuktikan bahawa peranan ibu bapa amat diperlukan dalam menangani masalah lepak di kalangan remaja masa kini. Sebagai pemimpin keluarga ibu bapa seharusnya peka dengan kehendak remaja. Mereka perlu mengenal pasti tuntutan-tuntutan remaja supaya setiap masalah yang dihadapi dapat dibendung dengan lebih berkesan. Peringkat remaja merupakan peringkat peralihan dari zaman kanak-kanak ke zaman dewasa. Tambahan pula di usia beginilah remaja sering memberontak dan mencari-cari identiti sendiri. Melakukan sesuatu yang dilarang dianggap satu cabaran yang perlu disahut. Di usia beginilah remaja sering memberontak dan mencari-cari identiti sendiri. Melakukan sesuatu yang dilarang dianggap satu cabaran yang perlu disahut. Terkadang setiap perbuatan adalah ikutan rakan-rakan dan hinggakan terkadang membakar hati muda yang mendorong remaja menyertai bersama-sama “geng lepak” (Remaja, bil : 357, 1 Julai 2001).

### **Latar Belakang Masalah**

Masalah ini berlaku sejak lebih berapa kurun yang lalu. Melepak bukanlah perkara yang baru dan bukan hanya berlaku di Malaysia . Di Jepun contohnya, orang Jepun dikenali dengan sifat kuat bekerja tetapi disebabkan pertubuhan sosialnya yang cepat kemerostotan semangat generasi mudanya dapat dilihat dari sikap berpuas hati akibat kemewahan ( Rustam 1994 ).

Ann Wan Seng ( 1994), tingkah laku melepak ini asalnya dimulakan oleh remaja yang tersisih daripada masyarakat atas sebab-sebab seperti tidak mempunyai pekerjaan sehingga menunjukkan perangai yang tidak baik dan bosan tinggal bersama keluarga.

Satu kajian telah dijalankan oleh Kementerian Belia Dan Sukan dengan kerjasama Universiti tempatan telah merumuskan beberapa faktor/punca timbul tingkah laku melepak di kalangan remaja di antaranya :

- i- Penghijrahan remaja ke kota.
- ii- Kelonggaran dalam institusi keluarga seperti tiada keharmonian, bebas tiada kawalan, kurang prihatin terhadap remaja.
- iii- Sikap remaja yang mengagungkan konsep “ Kebebasan dalam masyarakat” yang telah diterapkan oleh remaja barat.
- iv- Falsafah masyarakat telah dikuasai unsur individualisme dan materialisme, masyarakat tidak mahu menegur dan nasihat menasihati.
- v- Keadaan rumah yang kurang selesa.
- vi- Daya tarikan pusat hiburan dan kompleks membeli-belah.
- vii- Kurang kegiatan rekreasi, riadah, aktiviti di tempat tinggal dan sebagainya.  
( Razali 1994 ).
- viii- Trend Remaja Masa kini.
- ix- Mudah berjumpa kawan.
- x- Merasa seronok kerana ada hiburan.
- xi- Suasana di tempat-tempat melepak dikatakan sesuai untuk berehat.

Pada masa kini, banyak ibu bapa memperkatakan tentang lepak. Media massa juga sering menyiarkan berita tentang bertapa tingginya kejadian lepak di kalangan remaja khususnya remaja Melayu. Antara faktor-faktor yang menunjukkan bahawa berlakunya gejala lepak pada masa kini ialah:

- i- Perbuatan para pelajar sekolah duduk bersenang-senang dan berbual-bual kosong tanpa tujuan di pusat membeli belah dan di tempat tertentu.

- ii- Remaja duduk seorang diri tanpa membuat apa-apa pun.
- iii- Terdapatnya kes-kes seperti memeras ugut, mengganggu orang ramai di jalanan, penyeluk saku dan lain-lain yang melibatkan golongan remaja.

### **Penyataan Masalah**

Masalah tingkah laku di kalangan remaja akan membimbangkan dan akan menjadi kritikal jika tidak dibendung dari awal. Oleh itu, ibu bapa dan masyarakat perlu prihatin dan peka terhadap isu ini. Jika ianya dibiarkan dan tidak ditangani segera maka golongan remaja tidak akan dapat memainkan peranan mereka untuk memajukan negara dan bangsa menjelang tahun 2020.

Dalam proses merealisasikan wawasan 2020, masalah-masalah yang berkaitan dengan tingkah laku remaja Melayu pada masa kini amat merisaukan. Di dalam kajian ini penyelidik cuba mendapat informasi dari remaja Melayu dengan memfokuskan kepada ciri-ciri seperti berikut:

- i- Perbuatan remaja Melayu yang suka melepak.
- ii- Interaksi dan hubungan di antara remaja Melayu dengan rakan sebaya dan keluarga.
- iii- Latar belakang diri dan matlamat hidup remaja Melayu.
- iv- Peranan media.
- v- Aktiviti-aktiviti masa lapang remaja.

### **Kepentingan Kajian.**

Penyelidik mengharapkan hasil dari kajian itu akan dapat menyedarkan ibu bapa dan masyarakat tentang peranan masing-masing untuk membentuk keperibadian remaja selaras dengan kehendak agama dan aspirasi negara. Di samping itu juga para cendekiawan di universiti tempatan dengan kerjasama Kementerian Belia Dan Sukan dan Kementerian Pendidikan boleh berganding tenaga dalam menangani masalah ini kerana kita inginkan sebuah negara yang maju dengan golongan generasi mudanya yang berakhlak mulia.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan di kalangan remaja yang berumur 12 hingga 21 tahun. Mereka yang terlibat adalah golongan remaja yang melepak di sekitar Bandaraya Johor Baharu seperti di kawasan stesen bas Larkin dan di pusat membeli-belah Angsana. Di Dalam menjalankan kajian ini terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh penyelidik untuk mendapatkan maklumat dari responden antaranya:

- i- Terpaksa memujuk untuk menjawab soal selidik yang disediakan.
- ii- Pendekatan dalam berinteraksi dengan remaja agak sukar.
- iii- Memerlukan masa yang lama untuk mengenal pasti remaja yang suka melepak.

### **METODOLOGI.**

#### **Reka bentuk Kajian.**

Kajian yang dijalankan merupakan satu penyelidikan yang berbentuk Deskriptif yang dilakukan secara tinjauan. Reka bentuk ini dipilih kerana ia bersesuaian untuk mendapatkan maklumat tentang satu peristiwa yang sedang berlaku. Menurut Ahmad Lisot (1988) kajian berbentuk ini adalah sesuai digunakan dalam

penyelidikan yang bertujuan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Dalam kajian ini persoalan yang dikaji adalah fenomena budaya lepak di kalangan remaja Melayu merujuk di persekitaran Bandaraya Johor Baharu.

### **Lokasi Kajian.**

Pemilihan lokasi kajian adalah tempat tumpuan awam di sekitar Bandaraya Johor Baharu. Berikut adalah senarai tempat - tempat tersebut seperti :-

- i. Pasaraya Angsana.
- ii. Stesyen Bas Larkin

Pemilihan tempat di atas dilakukan oleh kumpulan penyelidik kerana beberapa ciri tertentu seperti:-

- a. Memandangkan kedudukannya di tengah-tengah Pusat Bandar ini menjadikannya tempat yang paling digemari oleh remaja.
- b. Terdapatnya kemudahan-kemudahan awam seperti tandas , telefon , gerai menjual makanan dan tempat meletak kenderaan .
- c. Merupakan pusat tumpuan perniagaan di Bandaraya Johor Baharu.
- d. Merupakan tempat tumpuan orang ramai dan golongan remaja bersiar-siar dan berkumpul di sekitar Bandaraya Johor Baharu

### **Sampel Kajian.**

Dalam melaksanakan kajian ini , kumpulan penyelidik memberikan tumpuan subjek terdiri daripada golongan remaja lelaki dan perempuan yang berumur antara 12 hingga 20 tahun kerana dalam usia begini sesuai dikategorikan sebagai remaja. Kumpulan penyelidik tidak mengambil kira kategori remaja sama ada mereka di kalangan pelajar sekolah ataupun remaja yang sedang menganggur .

Reka bentuk persampelan yang digunakan adalah persampelan jenis rawak. Persampelan ini sesuai kerana terdapat keseragaman yang tinggi mengenai ciri populasi yang dikaji. Penyelidik telah memilih 50 orang yang terdiri daripada remaja lelaki dan remaja perempuan untuk sampel kajian.

### **Instrumen Kajian.**

Kajian ini menggunakan kaedah soal-selidik sebagai instrumen yang terdiri daripada enam bahagian manakala kaedah soal-selidik yang digunakan ialah kaedah Skala Likert. Setiap bahagian terdiri daripada sepuluh soalan

Sebelum kajian dijalankan , penyelidik membuat tinjauan dari segi masa dan hari yang sesuai di mana lokasi kajian yang dipilih menjadi tumpuan remaja. Ini adalah bertujuan untuk penyelidik mendapatkan responden yang lebih tepat dan sampel yang dipilih secara rawak.

### **Kaedah Analisis Data.**

Data yang telah dikumpulkan telah dianalisis dengan menggunakan kaedah 'Statiscal Package For Social Severees.' (SPSSWIN) dan dipersembahkan dalam bentuk pemeratusan.

Cara ini bertujuan untuk memperoleh perkaitan hubungan antara hasil kajian dengan jumlah responden dalam setiap pemboleh ubah (item) yang dipersoalkan.

## **KEPUTUSAN**

### **4.1. Pendahuluan**

Bab ini menganalisis dapatan yang diperoleh daripada 50 orang sampel. Kesemua data yang diperoleh telah diproses dengan menggunakan perisian SPSS versi 10.0 for window bagi mendapat **min** dan **peratusan**.

Pembahagian adalah seperti berikut:

STS	1
TS	2
TP	3
S	4
SS	5

Soal selidik ini terbahagi kepada 6 bahagian iaitu Bahagian A: Maklumat Diri, Bahagian B: Mengapa Remaja Melepak, Bahagian C: Hubungan Kekeluargaan, Bahagian D: Rancangan Matlamat Hidup, Bahagian E: Pendedahan Media dan Bahagian F: Kegiatan Masa Lapang.

### **Perbincangan Dapatan**

#### **Mengapa Remaja Melepak**

Dalam menghadapi perkembangan masa transisi, remaja sentiasa menghadapi masalah penyesuaian. Penyesuaian ini sering kali menyebabkan remaja melakukan tindakan anti sosial yang seterusnya menyebabkan masalah kenakalan remaja seperti melepak. Oleh itu didapati hasil dapatan kajian mendapati sebab-sebab mengapa remaja melepak adalah sederhana Remaja melepak disebabkan hendak berjumpa dengan kawan-kawan. Mengikut seorang ahli psikologi Robert J. Havighurst, salah satu daripada tugas penting bagi remaja yang perlu diberi perhatian ialah membentuk perhubungan baru dan lebih matang dengan kawan-kawan yang sama umur, tidak kira lelaki atau perempuan. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak begitu suka melepak secara perseorangan tetapi mereka melepak secara kumpulan.

Analisis mengenai perhubungan mesra dengan rakan sebaya memperoleh dapatan yang menggalakkan iaitu 64.8% (Rujuk jadual: 1). Oleh itu cara berinteraksi seseorang remaja dengan rakan sebaya adalah lebih terbuka kerana ahli-ahli kumpulan tersebut mempunyai minat serta kegemaran yang sama. Selain daripada itu Manja (1990), apabila seseorang remaja itu sudah yakin dengan pemikiran dengan rakan-rakan sebaya yang sama minat, maka hubungan mereka menjadi lebih erat. Apa yang rakan lakukan maka ia juga akan turut melakukannya. Sehubungan dengan itu, sabda nabi s.a.w. seperti mana yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Al-Muslim:

“ Perumpamaan teman yang soleh dan teman yang jahat ialah laksana wangi-wangian dan tukang besi. Adapun pembawa wangi-wangian, sama ada dia memberinya sedikit, ataupun anda dapat mencium daripadanya bau-bauan yang wangi. Adapun tukang besi, sama ada dia memakai baju, ataupun anda akan mencium daripada bau-baumannya yang busuk ”.

#### **Bagaimanakah Remaja Berinteraksi Dengan Keluarganya.**

Menurut Nelson (1992), keluarga menyediakan sosialisasi peringkat awal kanak-kanak iaitu perkembangan dari segi fizikal, psikologi dan emosi. Oleh itu analisis kajian merujuk menunjukkan tahap

perhubungan kekeluargaan Remaja berinteraksi dengan ibu bapa adalah tahap sederhana 74% responden mempunyai perhubungan mesra dengan ibu bapa. Dengan itu menunjukkan bahawa perhubungan mesra dengan ibu bapa dapat menghindar remaja dari terlibat dengan perkara-perkara yang kurang sihat.

Sehubungan dengan itu menurut Ahmad Lisot (1998), ibu bapa yang ideal perlu memainkan peranan mereka sebagai ibu bapa hanya dengan cara mengetahui asas perhubungan sesama manusia. Ibu bapa boleh membesarkan anak-anak yang bertanggungjawab, berdisiplin dan bekerjasama tanpa bergantung kepada perasaan takut. Mereka boleh belajar mempengaruhi anak supaya berkelakuan lebih baik seperti yang dikehendaki oleh ibu bapa daripada takut hukuman yang akan dikenakan atau keistimewaan mereka ditarik balik.

### **Rancangan Matlamat Hidup.**

Daripada analisis kajian yang telah didapati menunjukkan Rancangan matlamat hidup diri remaja berada pada tahap yang sederhana iaitu 54%. Ini menunjukkan setiap remaja mempunyai matlamat hidup mereka yang tersendiri. Setinggi mana pun pendidikan yang remaja perolehi namun matlamat hidup tetap tersemat di sanubari masing-masing.

### **Pendedahan Media**

Menurut Mohd Salleh (1999) Pengaruh media khasnya TV , kadang-kadang boleh memberi kesan yang buruk kepada pembentukan peribadi remaja, khasnya aktiviti melepak. Daripada analisis kajian menunjukkan tahap pendedahan media kepada responden adalah pada tahap yang rendah iaitu 60%. Ini menunjukkan tahap pendedahan media kepada remaja Melayu Johor Baharu masih berada pada tahap yang rendah. Namun demikian keadaan ini harus dikawal dari semasa ke semasa oleh ibu bapa, kerana jika tidak dikawal ianya berpotensi untuk mempengaruhi remaja ke arah aktiviti yang tidak bermanfaat seperti melepak. Menurut Mohd Salleh lagi, personaliti remaja mudah berubah dari semasa ke semasa. Cerita-cerita TV siri jenayah, persembahan drama keluarga dan banyak lagi , sesetengahnya boleh mempengaruhi remaja. Jadi adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada anak-anak agar tidak mudah terpengaruh dengan perkara yang tidak berfaedah.

### **Kegiatan Masa Lapang.**

Menurut Mohd Salleh(1999) Kegiatan masa lapang remaja mestilah dipenuhi dengan aktiviti yang berfaedah supaya remaja tidak mudah berasa bosan. Kegiatan masa lapang tersebut mestilah sesuai dengan usia remaja. Dengan ini pemikiran remaja akan menjadi lebih matang dan bertanggungjawab seperti cara kehidupan seorang dewasa. Daripada analisis kajian yang telah dibuat menunjukkan tahap kegiatan masa lapang responden berada pada tahap sederhana iaitu 74%. Dengan itu kegiatan masa lapang memainkan peranan yang penting agar remaja tidak terjebak ke arah kegiatan yang tidak sihat. Remaja yang selalu bergaul dengan masyarakat, akan menjadikan diri mereka lebih bertanggung jawab. Tanggungjawab yang dimaksudkan seperti menghormati hak individu, masyarakat, negara, berlaku adil dan bertingkah laku baik.

### **Rumusan**

Dalam menangani masalah remaja memerlukan kebijaksanaan dan rasional seseorang. Institusi keluarga mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing. Bermula daripada institusi keluarga, segala masalah sosial dalam masyarakat dapat dibendung. Selain daripada itu masalah sosial juga dapat dibendung melalui kasih sayang yang disertai dengan unsur-unsur lain yang membantu. Sememangnya terbukti hanya ibu bapa sahajalah sebagai individu yang paling hampir dapat menangani masalah anak-anak mereka.

Selain daripada itu, rakan sebaya turut sama memberikan pendidikan tidak formal kepada remaja. Kebiasaannya remaja akan mengikuti apa yang dibuat oleh rakan mereka. Tingkah laku yang dipelajari daripada rakan-rakan sebaya sama ada berunsur positif atau negatif secara tidak langsung boleh menyebabkan remaja cenderung kepada sikap tersebut.

Sekarang di zaman langit terbuka dengan kecanggihan teknologi maklumat atau kemajuan media massa kini, di mana berbagai bentuk maklumat dapat diterima terus oleh remaja tanpa tapisan. Hasilnya remaja lebih terpengaruh kepada media massa berbanding didikan ibu bapa atau pendidikan sekolah.

## **Cadangan**

Adalah menjadi satu masalah besar untuk mengatasi masalah sosial sebegini kerana ianya melibatkan orang perseorangan norma, nilai budaya dan juga agama dalam masyarakat yang giat mengejar kemajuan, banyak perkara dibelakangkan. Nilai dan perkara yang tidak boleh dinilai dengan wang ringgit dianggap “leceh” dan tidak penting. Apa yang perlu dan mustahak adalah nilai kebendaan. Kemungkinan nilai dan budaya serta ciri-ciri ketimuran akan mudah hanyut mengikut arus perkembangan dunia yang pesat membangun.

Kita tidak harus lupa bahawa remaja hari ini adalah pemimpin hari esok jika golongan pelapis ini telah lemah dan bermasalah, tidak dapat dinafikan bahawa negara juga akan menghadapi masalah. Oleh itu kita amat memerlukan satu ramuan yang berkesan untuk mengatasi segala ini sebelum ianya terlewat. Terdapat beberapa kaedah yang dirasakan dapat membantu menyelesaikan masalah.

Cadangan kepada mengatasi masalah keruntuhan akhlak. ini, semua pihak mestilah bertanggungjawab termasuklah :

- Ibu bapa
- Masyarakat
- Kerajaan
- Kementerian Pendidikan
- Individu.

Di antara cara-cara menangani masalah ini ialah :-

### **1) Memberi Pendidikan Agama Kepada Anak-Anak.**

- 1.1. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak seawal yang mungkin kerana pendidikan bermula di rumah.
- 1.2. Ibu bapa hendaklah menunjukkan tingkah laku dan teladan yang baik kepada anak-anak seterusnya menjadi ‘*role model*’ kepada mereka.

Ibu bapa juga bertanggungjawab untuk menyerapkan nilai-nilai murni kepada anak-anak.

### **2. Pengukuhan Institusi Keluarga.**

- 2.1 Bila kita lihat, kebanyakan institusi keluarga gagal berfungsi dengan baik.

Contohnya : Banyak keluarga yang porak peranda, cerai berai, anak-anak terbiar dan sebagainya. Bila keadaan ini berlaku bagaimanakah kita dapat mewujudkan generasi muda yang dapat membentuk sahsiah yang diadun dengan nilai adab dan akhlak yang tinggi.

- 2.2. Seseorang ibu bapa juga kabur dengan peranan yang perlu dimainkan oleh mereka. Mereka tidak lagi menunjukkan ‘*role model*’ yang baik kepada anak-anak.

- 2.3. Mereka mengabaikan keperluan anak-anak terutama kasih sayang.

Ibu bapa hendaklah meluangkan masa sekurang-kurangnya 5 minit untuk

bersama anak-anak.

- 2.4. Yang menyedihkan ada d kalangan ibu bapa meletakkan tanggungjawab mendidik anak-anak mereka kepada guru-guru. Tugas guru hanyalah memberi ilmu pengetahuan kepada anak-anak dan sebenarnya tugas mendidik terletak kepada ibu bapa kerana pendidikan memerlukan proses yang agak lama.

### **3. Membentuk Setiap Individu Yang Cemerlang**

- 3.1. Seorang ahli falsafah Cina menyatakan :-  
“ Pendidikan individu adalah persiapan kepada masyarakat yang beradab”.
- 3.2. Ini bermakna setiap individu mestilah menanamkan rasa tanggungjawab ke atas dirinya sendiri dengan berusaha membentuk sahsiah dan akhlak mereka dengan sempurna.
- 3.3. Kerana ini akan memberi kesan yang besar terhadap pembentukan negara di masa akan datang.

### **4. Membina Generasi Muda.**

- 4.1. Semua pihak perlulah ada usaha yang objektif dan ikhlas untuk menilai keberkesanan pemikiran yang menjadi teras pembentukan generasi muda mahupun pembinaan sebuah tamadun yang gemilang sesebuah negara.
- 4.2. Kita juga perlu membina generasi muda yang berdaya tahan, bersikap kreatif, kritis serta mampu memilih mana yang serasi dan mana yang bertentangan dengan budaya kita.

### **5. Sistem Pendidikan Yang Berkesan.**

Pendidikan dan pembinaan akhlak adalah proses seiring yang tidak boleh dipisahkan. Sistem pendidikan Rasulullah membuktikan bagaimana melalui *Tarbiyah Nubuwwah* berjaya melahirkan Muslim yang berkualiti dan mempunyai akhlak yang tinggi.

Sebenarnya dalam sistem pendidikan masa kini telah pun ada penyerapan nilai-nilai murni tetapi ianya kurang perlaksanaannya. Kenapa? Adakah kita bakal guru yang harus memikul tanggungjawab ini?

Walau bagaimanapun sedikit sebanyak tanggungjawab ini haruslah dipikul oleh para guru, peranan guru bukan setakat menyampaikan pengajaran tetapi mereka

haruslah mampu membentuk kefahaman dan cara fikir pelajar berteraskan nilai adab dan akhlak serta berpandukan prinsip keagamaan yang tinggi.

Seperti kata Al-Ghazali dalam bukunya *Adab Pelajar Dan Pengajar* menyatakan “Guru menunjukkan sikap kasih sayang dan ikhlas terhadap pelajarannya, melarang secara halus dan menunjukkan sikap yang baik”

Seandainya ianya berjaya dilaksanakan maka tidak ada pelajar yang melakukan salah laku seperti membakar sekolah, peras ugut dan sebagainya. Mereka melakukannya kerana tidak ada perasaan sayang dalam diri mereka terhadap sekolah dan rakan-rakan.

Ibu bapa juga bertanggungjawab untuk menyerapkan nilai-nilai murni kepada anak-anak.

### **PENUTUP**

Dari kajian ini, diharap masalah remaja yang terjebak dengan tingkah laku melepak akan dapat di atasi. Faktor-faktor kekeluargaan sepatutnya bukan merupakan punca gejala ini berlaku. Keluarga seharusnya bertindak mempamerkan latar belakang yang menunjukkan imej positif. Peranan yang besar perlu dimainkan supaya remaja yang bakal mewarisi kepimpinan akan datang dapat menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang pesat membangun dan berteknologi tinggi. Hasil



dari tinjauan kajian ini juga diharap dapat menyedarkan semua pihak terutama ibu bapa yang mempengaruhi tingkah laku melepak. Selain daripada itu agensi-agensi lain dan masyarakat sekeliling juga sepatutnya memainkan peranan yang sama dalam membantu remaja menjalankan aktiviti-aktiviti yang lebih berfaedah. Dengan cara ini, akan dapat membantu menyalurkan pemikiran mereka supaya lebih kreatif dan bukan disempitkan dengan masalah sosial pada masa akan datang, sebagainya.

## BIBLIOGRAFI

- Abdullah Ahmad Badawi “ Ada Kumpulan Dikesan Pesongkan Aqidah Remaja” dalam. Berita Harian, 17 Ogos 2001 .
- Ahmad Lisot (1988). Peranan Ibu bapa Yang Berkesan. Kertas Kerja Konvensyen Perkara Ketiga Di Subang.
- Ann Wan Seng (1994). Kerenah Remaja Hari Ini. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Aishah K. Ahmad . “ Rumah sempit punca remaja berpelesiran “ dalam. Ummi Ogos 1993, halaman 50 – 51.
- Atan Long (1978). Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka Dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ee Ah Meng (1997). Psikologi Pendidikan II. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hakim Sungap. “ Lepak. Inikah Masalah sebenar Remaja” dalam. Tamadun, 2 Ogos 1994, halaman 8 – 17.
- Havinghurst, R.J. (1952). Developmental Tasks And Education. New York : Longman Green.
- Kamus DwiBahasa (1979). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laster D.C (1994). Psychology Of Human Adjustment. New York. Alfred A. Knoff Inc.
- Lidah Pengarang. “ Masalah Lepak adalah Majoriti Remaja Melayu yang Beragama Islam” dalam. Harian Metro, Isnin 6 Ogos 2001.
- Lorch (1966). Psychology Of Human Adjustment. New York. Alfred A. Knoff Inc.
- Mahathir Mohamed. “ Mahathir Bimbang Bahan Lucuh berleluasa” dalam. Mingguan Malaysia, 15 Julai 2001.
- Mahadir Mohd Khir. “Black Metal : Kementerian Minta Laporan Sekolah” dalam. Utusan Malaysia, Jumaat 20 Julai 2001 ).
- Majalah Remaja, “Ponteng Sekolah Gejala Semasa” bil : 357 1 Julai 2001.
- Manja Mohd Ludin (1990). Psikologi Sosiologi Dan Falsafah Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mansor Abu Talib . “Perkembangan remaja melibatkan Tiga Domain” dalam. Mingguan Famili, Ogos 2001, Halaman 24-26.
- Mohd Salleh (1999). Asas Psikologi Perkembangan. Kuala Lumpur : Publications and Distrubutors Sdn. Bhd.
- Muhammad Hatta Sharom (1989). Ke arah Rumahtangga Bahagia. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Nelson, G.F. (1992). Keluarga dan Persekitaran Perspektif Ekosistem. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Noor Shakirah Mat Akhir. “ pengaruh Ibu bapa Terhadap Tingkah laku Anak-anak” dalam. Visi, Julai 2001, halaman 24-26.
- Zulkifli Yusuf (1990). Panduan Khidmat Bimbingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.